

INTEPRETASI NARSISISME MELALUI PENGKARYAAN FOTOGRAFI SENI HALUS

Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain

*Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah
wan_ayuni@uitm.edu.my*

Nur Hasliza Abdulah

*Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah
nurhasliza@uitm.edu.my*

Shafirah Shaari

*Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah
shafirashaari@uitm.edu.my*

Wan Norlidza Wan Mohd Zain

*Institut Perguruan Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur
wannorlidza@ipgkbm.edu.my*

Abstrak: Kertas konsep ini membincangkan peranan komunikasi visual mengenai golongan narsisisme dan diterjemahkan dalam bentuk karya fotografi. Narsisisme ialah perasaan individu yang terlalu mengagumi diri sendiri. Golongan ini terlalu taksud dengan keadaan diri mereka. Seiring dengan kemajuan teknologi dan dunia digital pada abad ke 21 ini, dapat dilihat kekerapan dan ketaksudan individu atau hobi untuk berswafoto di media sosial. Golongan narsisisme ini menganggap perihal mengagumi diri sendiri ialah perkara yang normal, disebabkan mereka telah terbiasa dalam situasi ini sejak kecil lagi. Namun bagi pakar psikologi, narsisisme merupakan masalah yang serius dan mempunyai ciri-ciri spesifik kerana pemikiran golongan ini dikuasai oleh minda yang merasai kewujudan mereka lebih penting berbanding orang lain. Seni fotografi bukan sekadar mendokumentasi perkara yang dilihat di dunia nyata, tetapi menjadikan karya seni lebih kompleks dan memberikan makna yang mendalam pada sesuatu gambar. Seni fotografi mampu diterjemahkan dalam nilai estetika yang tersendiri. Seni ini juga boleh dieksperimen dalam pelbagai teknik fotografi. Ekspresi golongan narsisisme dapat diterjemahkan melalui karya fotografi seni halus dalam pelbagai simbolik penceritaan narsisisme.

Kata Kunci: Narsisisme, karya seni fotografi

1. Pengenalan

Narsisisme adalah perasaan yang keterlaluan mencintai diri sendiri. Individu yang mengalami gejala ini digelar sebagai narsis. Sejarah narsisisme ini diambil daripada kisah mengambil dari tokoh dalam mitos Yunani yang bernama Narkissos, dalam bahasa latin ialah *Narcissus*. *Narcissus* merupakan seorang jejaka yang tampan dan jatuh cinta pada bayangan sendiri setelah beliau melihat pantulan (*reflection*) diri sendiri atas permukaan air. Semenjak itu beliau menjadi taksud dengan diri sendiri sehingga dikatakan tenggelam ke dasar kolam kerana ingin menyentuh dirinya di dalam air tersebut. Menurut ahli psikoanalisis, Sigmund Freud mengatakan narsisisme adalah cinta kepada diri sendiri sehingga cinta cenderung kearah narsisisme sehingga wujud sikap taksud pada diri dan boleh mengundang kepada sikap keangkuhan dan pentingkan diri sendiri. Menurut Halgin dan Whitbourne (2010), individu yang mempunyai tingkah laku narsisisme dalam kehidupan mereka menyatakan rasa tidak selamat pada masa kanak-kanak dan memerlukan perhatian. Perasaan tidak selamat dinyatakan dengan cara yang berlawanan antara mengembangkan identiti palsu dengan pemikiran yang tidak realistik mengenai kemampuan mereka. Seiring dengan zaman dan teknologi pada abad ini, dunia fotografi telah tersebar ke pelusuk dunia dan menembusi pelbagai bidang kehidupan. Hampir semua masyarakat pada hari ini menjadikan fotografi sebagai kaedah untuk memenuhi keperluan mereka. Bermula pada tahun 1839 fotografi diumumkan secara rasmi kepada dunia, perubahan demi perubahan berlaku daripada proses *daguerreotype* hingga dunia digital abad ini. Sehingga kini

perkembangan fotografi dikuasai dengan kemajuan teknologi digital, baik kamera ataupun telefon bimbit. Kelajuan teknologi fotografi memudahkan kepada pengguna untuk membuat rakaman gambar secara cepat dan mudah. Seiringan dengan kemajuan teknologi, kewujudan platform untuk berkongsi gambar seperti *Facebook*, *Instagram*, *Flickr* dan lain- lain memberi suntikan yang baru kepada golongan narsisisme untuk menonjolkan diri mereka di media sosial. Fotografi terbahagi kepada beberapa aliran antaranya fotografi komersial, fotografi seni halus dan foto kewartawanan. Fotografi kewartawanan mempunyai nilai dokumentari yang tinggi kerana dapat merakam sesuatu yang detik yang sukar untuk diulang seperti sesuatu peristiwa yang besar seperti pandemik, bencana alam, atau sesuatu perayaan. Namun begitu, fotografi seni halus sukar untuk ditafsirkan kerana karya yang dihasilkan mempunyai penceritaan yang tersendiri diselarikan dengan sentuhan artistik oleh pengkarya fotografi. Fotografi seni halus memberi tumpuan kepada estetika dan nilai inspirasi daripada unsur semulajadi, manusia dari segi emosi atau ekspresi, senibina dan imej yang dramatik. Kesemua unsur-unsur berikut boleh dijadikan cetusan idea untuk penghasilan karya.

1.1 Definisi narsisisme


Narsisisme adalah keadaan di mana orang yang menganggap diri mereka jauh lebih hebat berbanding orang sekeliling, atau kebanggaan yang tinggi; namun di sebalik keyakinan diri yang tinggi, golongan ini mudah rapuh dengan sedikit kritikan. Gangguan ini boleh mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan jika tidak ditangani dengan baik. Penterjemahan karya berkaitan dengan narsisisme ini akan disampaikan secara monolog bagi menggambarkan ekspresi golongan ini melalui teknik manipulasi gambar atau *photomontage*.

1.2 Definisi fotografi seni halus

Fotografi seni halus memberi penekanan dalam aspek pemikiran dan nilai estetika dalam penghasilan karya seni. Dalam aliran fotografi seni halus ini, ia akan mendorong jurugambar untuk berfikir secara kreatif bagi menyampaikan sesuatu penceritaan. Kebiasaannya jurugambar lebih cenderung mengutamakan teknik fotografi seperti komposisi gambar, pencahayaan dalam semua aliran fotografi dan teknik tersebut akan diberi perhatian dalam penghasilan karya mereka. Dalam konteks fotografi seni halus pula, ia lebih yang lebih cenderung kepada makna penceritaan, konsep, ekspresi dan emosi serta simbolik dalam penghasilan karya. Pada abad ke 21 ini, spektrum estetika sangat luas merangkumi konsep dan ideologi yang boleh dihasilkan oleh jurugambar. Tiada istilah betul atau tidak dalam penghasilan karya yang melibatkan subjek yang berkonsepkan abstrak atau simbolik, kerana mentafsir sekeping gambar adalah melalui proses subjektif atau objektif. Tafsiran atau komen yang subjektif adalah berdasarkan kepada pendapat penonton; sekeping gambar memberi pelbagai persepsi kepada penonton. Pengkarya perlu jujur dalam setiap karya yang dihasilkan dan juga perlu menerima secara hormat setiap kritikan atau pandangan orang lain untuk terus menghasilkan karya yang mempunyai nilai estetika yang tinggi.

2. Pengumpulan Maklumat

Maklumat yang diperolehi bagi tajuk narsisisme ini adalah melalui pembacaan di perpustakaan seperti buku, artikel dan juga melalui pembacaan di internet. Selain itu juga pengumpulan dibuat secara pemerhatian melalui media sosial seperti *Instagram* dan *Facebook* serta masyarakat sekeliling. Golongan remaja kerap dikaitkan dengan narsis kerana ketaksuban mereka terhadap swafoto sangat kerap dikongsikan di media sosial. Menurut Soekanto (2010), “masa ini dirasakan sebagai suatu krisis kerana belum adanya pegangan, sedangkan kepribadiannya sedang mengalami pembentukan”. Maklumat tambahan berikutnya adalah daripada informasi dan rujukan terhadap karya visual mengenai pesakit skizofrenia yang pernah dihasilkan sebelum ini. Melalui pembacaan dan pemerhatian, segala idea perlu diperhalusi untuk diterjemahkan sebagai karya visual.




Rajah 1: Proses Pengumpulan Maklumat

3. Perancangan dan Penghasilan Karya

Berdasarkan daripada maklumat dan pemerhatian yang dijalankan, pengetahuan mengenai narsisme ini dikategorikan sebagai gangguan personaliti kurang mendapat perhatian oleh masyarakat umum. Ini disebabkan oleh teknologi semakin maju dan pengaruh media sosial terlalu kuat sehingga merasakan pendedahan yang sangat kerap mengenai diri sendiri tidak mendatangkan kebimbangan kepada golongan ini. Perancangan karya berdasarkan kertas konsep ini adalah ingin menggambarkan ekspresi narisisme ini melalui fotografi seni halus. Teknik fotografi dan manipulasi gambar digunakan untuk membentuk satu imej yang membawa penonton mengenali narisisme secara simbolik.

Sebelum menghasilkan karya mengikut topik yang dikehendaki, permulaan proses adalah mengumpul semua gambar subjek yang telah dirakamkan. Pemilihan subjek dibuat berdasarkan kepada kesesuaian topik kajian dan juga subjek, melalui perbezaan imej seperti teknik pencahayaan dalam gambar, komposisi gambar, dan lain-lain. Teknik *soft focus* yang digunakan pada potret kanak-kanak tersebut diinspirasi oleh *Julia Margaret Cameron* yang merupakan seorang jurufoto potret wanita pada abad ke 19. Teknik tersebut adalah untuk memberi impak ekspresi secara artistik dalam fotografi. Gambar daun dan gelas dirakam menggunakan cahaya semulajadi dan metafora bagi gelas tersebut adalah merujuk kepada kerapuhan emosi bagi golongan narsisisme.

Teknik manipulasi gambar dan *photomontage* adalah dua cara fotografi yang dapat digunakan oleh pengkarya untuk berkomunikasi dengan cara yang lebih artistik dan tersirat. Menurut Laszlo Moholy-Nagy (1924) dalam buku *Painting, Photography, Film*, “*Motion also coined the term photo sculpture or relief in photomontages. They are composed of different photographs, a method for testing simultaneous illustration, compromising penetration of the visual and the humor of the word, mysterious connection of the most realistic imitative means growing into the imaginary*”. Jika gambar tersebut disertakan bersama keterangan gambar tersebut boleh mempengaruhi penonton dan mengubah mesej gambar yang dipamerkan. Pengkarya mampu memanipulasi mesej yang ingin disampaikan melalui pelbagai teknik dalam fotografi dan suntingan gambar. Melalui teknik manipulasi dan *photomontage*, ia merupakan medium visual untuk pengkarya menyampaikan ekspresi idea sebenar atau secara abstrak. Melalui suntingan gambar yang digabungkan, maka ia berhasil membentuk sebuah mahkota yang merujuk kepada perhiasan yang dipakai di kepala.



Rajah 2: Proses Penghasilan Karya

4. Kesimpulan

Hasil daripada gambar fotografi dan membuat eksperimen melalui imej manipulasi, maka terhasil satu imej simbolik untuk menyampaikan ekspresi narisisme. Imej yang terhasil melalui penggabungan gambar tersebut membentuk lakaran mahkota. Beberapa metafora seperti gambaran mahkota, cermin dan gelas serta pantulan watak (*reflection*) selari dengan perwatakan narisisme yang dianggap mempunyai perasaan yang terlalu kagum dan terlalu mencintai diri yang sangat tinggi. Sebagai contoh, metafora cermin yang dinyatakan dalam karya ini adalah untuk membayangkan perasaan seperti isi hati, batin dan sebaliknya. Penggunaan metafora biasanya digunakan untuk menjadikan sesuatu karya lebih artistik dalam menyampaikan penceritaan secara simbolik.

Kesimpulan yang diperolehi daripada kertas konsep ini ialah seni fotografi tidak hanya merakamkan dokumentasi semata-mata. Melalui aliran fotografi seni halus, fotografi juga mampu untuk bereksperimentasi dengan pelbagai subjek untuk dijadikan satu karya yang artistik, ia bukan sekadar melaporkan apa yang dirakam melalui kamera. Melalui media fotografi juga ia memberi informasi mengenai permasalahan psikologi yang dialami oleh masyarakat pada hari ini. Bagi sesebuah karya artistik seperti fotografi seni halus, penerimaan berkaitan karya boleh dianalisis secara subjektif. Analisis subjektif yang diberikan adalah mengikut pandangan penonton yang melihat karya tersebut.

Rujukan

- Clarke, M. (2007). *Verbalising the Visual: translating art and design into words*. AVA Publishing.
- Elisabeth, Couturier (2011). *Talk Contemporary Photography: Portugal by Portughesa Excessive posting of photos on social media is associated with increase in narcissism (2018)*
- Mar, Gler (2007). *Photography Foundations for Art & Design: The Creative Photography Handbook* (4th Edition). Elsevier Ltd.
- Mary, Warner Marien (2010). *Photography: A Cultural History (3rd Edition)*. Laurence King Publishing Ltd.
- Nikita Olivia S. Aristarchus Pranayama K. Ryan Pratama (2019). *Perancangan Karya Seni Fotografi Konseptual Tentang Skizofernia*: Publication.petra.ac.id
- Psychology Today. <https://www.psychologytoday.com/intl/basics/narcissism>
- Taschen, GmbH (2007). *20th Century Photography Museum Ludwig Colonge*: Hohenzollernring 53, D-50672 Köln